

# MAJLIS PENUTUP KURSUS PEGAWAI SKUADRON DAN KAYA BUDI SIRI 88/17



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2342-majlis-penutup-kursus-pegawai-skuadron-kaya-budi-siri-88-17](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2342-majlis-penutup-kursus-pegawai-skuadron-kaya-budi-siri-88-17)

TANJUNG BUNGAH, 24 Ogos 17 - Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) TUDM telah menganjurkan Majlis Penutup Kursus Pegawai Skuadron (KPS) dan Kaya Budi Siri 88/17. Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM hadir bersama isteri Datin Sri Norainy bte Shahar Alam untuk menyampaikan sijil kepada peserta-peserta kursus. Turut mengiringi beliau adalah Panglima Pendidikan Dan Latihan Udara, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Hj Yahaya TUDM dan isteri Datin Hajah Rokiah bte Baba. Seramai 27 pegawai berpangkat Kapt TUDM dari pelbagai cawang dan 2 peserta dari luar negara yang iaitu Flight Lieutenant Mark Pickering dari Royal Australia Air Force dan Captain John Paul E Roca dari Philippines Air Force telah berjaya menamatkan Kursus ini dengan jayanya. Manakala untuk Kursus Kaya Budi seramai 19 orang isteri-isteri peserta Kursus Pegawai Skuadron turut hadir. Pendebat Terbaik disandang oleh Kapt Noorfaezah bte Abdul Manan TUDM, Terbaik Akademik disandang Flight Lieutenant Mark Pickering RAAF, Terbaik Keseluruhan oleh Kapt Aiman bin Mohd Akbar TUDM manakala Sindiket Terbaik adalah dari Sindiket Charlie.

